

Tubuh pasukan khas perketat penguatkuasaan

Kuala Lumpur: Aspek penguatkuasaan perlu dimantapkan dengan penubuhan pasukan khas rentas kementerian, agensi dan industri untuk memastikan pemantauan dijalankan secara berkesan, serta menjamin tindakan terhadap pelanggaran piawaian pengeluaran dan penggunaan tayar di negara ini.

Justeru, pakar mengesyorkan pasukan itu dianggotai agensi di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN); Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) serta pembabit syarikat pengeluar tayar.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, menegaskan penubuhan pasukan khas itu satu langkah penting untuk menjalankan penguatkuasaan jangka panjang, dalam memastikan kualiti tayar di pasaran.

Selain itu, beliau berkata pasukan petugas itu juga dapat meningkatkan kesedaran melalui program pendidikan kepada pengeluar dan pengguna, serta menyokong penyelidikan untuk memperbaiki piawaian tayar.

"Secara umumnya, JPJ memang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan keselamatan jalan raya, termasuk memastikan tayar yang digunakan di jalan raya menepati piawaian keselamatan yang ditetapkan.

"Namun dalam operasi rutin,

JPJ mungkin lebih fokus kepada kesalahan lain yang lebih ketara seperti kelajuan berlebihan, pemilikan lesen yang sah atau pelanggaran peraturan jalan raya yang lain.

"Justeru, saya sarankan agar pemantauan dilakukan dengan lebih ketat mencakupi pemeriksaan berkala di premis yang menjual tayar celup untuk memastikan ia mematuhi piawaian keselamatan, termasuk penguatkuasaan jitu seperti mengenakan denda atau tindakan lebih tegas kepada pengusaha yang melanggar peraturan," katanya kepada BH, semalam.

Mengenai undang-undang terpakai dalam isu penggunaan tayar celup, Teik Hua menjelaskan ia termaktub Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Peraturan-Peraturan Pengangkutan Jalan Raya 1959.

Menerusi Akta 333, jelasnya JPJ boleh melakukan pemantauan dari aspek pemeriksaan kelayakan kenderaan atau *vehicle road worthiness inspection* ke atas kenderaan perdagangan setiap enam bulan melalui pemeriksaan berkala.

Di pihak SIRIM pula, beliau berkata agensi itu mengeluarkan piawaian seperti MS 2434 untuk tayar celup yang menepati spesifikasi ditetapkan.

"Di bawah Akta 333, antara elemen pemeriksaan yang terlibat bagi mengesan dan mengenalpasti penggunaan tayar tidak menepati piawaian pada kenderaan berat, adalah dengan melaksanakan pemeriksaan visual terhadap tayar.

"Ia dengan memastikan ia mematuhi spesifikasi dan teknika-

liti serta piawaian tayar yang ditetapkan melalui perundangan antarabangsa," katanya.

Untuk memudahkan urusan mengesan tayar tidak mematuhi spesifikasi, Teik Hua turut mencadangkan agar pihak berkenaan mengaplikasikan pemeriksaan tayar secara digital, dengan menggunakan alat pengimbas atau alat ukur digital.

Dengan peranti itu, beliau berkata ia boleh menilai ketebalan tapak tayar dan mengenal pasti kerosakan tersembunyi seperti retakan atau tanda kehausan yang tidak kelihatan secara fizikal, sekali gus membolehkan pegawai JPJ melakukan pemeriksaan dengan lebih tepat dan efisien.

"Kerajaan juga disarankan memperkenalkan sistem pengesanan untuk memeriksa sejarah dan asal-usul tayar, seperti kod QR atau RFID yang boleh diimbas untuk mengesahkan sama ada tayar telah melalui proses celupan yang memenuhi piawaian keselamatan," katanya.

 Saya sarankan agar pemantauan dilakukan dengan lebih ketat mencakupi pemeriksaan berkala di premis yang menjual tayar celup untuk memastikan ia mematuhi piawaian keselamatan

Law Teik Hua,
Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan
Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan UPM